

**MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN  
2012**

09/04/2013

DEWAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH INTEGRASI GOMBAK SELANGOR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia

Yang Berhormat Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong  
Timbalan Menteri Pelajaran 1

Yang Berbahagia Tan Sri Abd Ghafar bin Mahmud  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha dan  
Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Yang Berusaha Dr. Na'imah binti Ishak  
Pengarah Peperiksaan, Lembaga Peperiksaan

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pelajaran Malaysia

Pengarah-Pengarah Pelajaran Negeri

Pegawai-Pegawai Pelajaran Daerah

Para Pengetua, guru-guru, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berkumpul di sini pada hari ini sempena Majlis Anugerah Kecemerlangan, Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2012. Saya kira majlis pada hari ini agak istimewa, kerana selain meraikan sekolah-sekolah yang cemerlang mengikut kategori-kategori yang ditentukan, kita juga buat julung kalinya akan turut meraikan Pejabat-Pejabat Pelajaran Daerah yang telah berjaya menunjukkan prestasi lonjakan saujana dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2012, berbanding dengan tahun sebelumnya. Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak, terutama Lembaga Peperiksaan dan juga pihak sekolah yang telah bersama-sama berganding bahu bagi menjayakan majlis ini.

Tuan-tuan, puan-puan, hadirin yang dihormati sekalian,

2. Sistem pendidikan di negara kita sentiasa melalui proses transformasi dan penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi menjamin kualiti pendidikan berada pada tahap yang tinggi dan sentiasa relevan. Sebagaimana yang diketahui umum, Kerajaan sememangnya menyediakan peruntukan perbelanjaan yang tinggi kepada sektor pendidikan untuk tujuan itu. Jumlah peruntukan yang besar ini telah membolehkan Kerajaan membina prasarana pendidikan yang baik dan menyediakan kemudahan serta peralatan yang mencukupi bagi setiap sekolah. Dengan

peruntukan ini jugalah, Kerajaan dapat memajukan pendidikan luar bandar, mempertingkatkan kualiti guru dan memperluaskan pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan teknologi maklumat.

3. Namun, peruntukan yang besar dan infrastruktur pendidikan yang baik sahaja masih belum memadai untuk menjamin kejayaan sesuatu sistem pendidikan. Ianya juga bukan suatu tugas yang mudah, lebih-lebih lagi kerana kita berhadapan dengan anak-anak dan generasi muda yang bakal mewarisi kepimpinan negara di masa hadapan. Tentunya harga yang lebih mahal perlu dibayar bagi memastikan kejayaan yang dihasratkan dapat dicapai. Pelbagai aspek perlu kita ambil kira, yang sudah semestinya memerlukan pengemblengan tenaga dan usaha pelbagai pihak.

4. Hasrat Kerajaan hanya satu, iaitu menawarkan pendidikan yang berkualiti untuk anak-anak kita, kerana ianya merupakan elemen utama yang menentukan kejayaan sistem pendidikan itu sendiri. Justeru, kita perlulah memastikan bahawa segala sumber yang ada disalurkan secara berkesan kepada usaha mewujudkan sekolah-sekolah terbaik, yang akan membantu melonjakkan sistem pendidikan negara. Matlamat ini hanya dapat dicapai melalui usaha bersepadu semua pihak, termasuklah Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), ibu bapa dan juga masyarakat sekitar, selain memerlukan amalan kepimpinan sekolah yang berkesan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Dengan peruntukan perbelanjaan yang bukan sedikit, dan dengan pelbagai usaha serta program yang telah dilakukan oleh Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran, persoalannya sekarang, bagaimanakah masyarakat dapat menilai atau menentukan bahawa sistem pendidikan mampu melahirkan warganegara Malaysia yang bakal memacu kemajuan negara melangkaui tahun 2020? Sudah tentunya kita memerlukan satu kaedah atau pendekatan yang menyeluruh untuk tujuan tersebut. Umum mengetahui bahawa salah satu komponen yang kritikal bagi mengukur tahap keberhasilan dan kemenjadian murid adalah melalui penilaian yang merangkumi peperiksaan umum, penilaian secara berterusan seperti pentaksiran berasaskan sekolah, dan juga penilaian-penilaian lain secara tidak formal (bagi kemahiran bukan akademik, contohnya kepimpinan, nilai dan lain-lain).

6. Dalam konteks peperiksaan umum, SPM merupakan kayu pengukur yang penting dalam menentukan pencapaian akademik murid secara khususnya, serta kualiti pendidikan peringkat menengah atas secara amnya. Bagi saya, kejayaan anak didik kita dalam peperiksaan SPM merupakan titik tolak kepada laluan kehidupan yang lebih baik pada masa akan datang, dan yang akan turut menentukan kerjaya masa hadapan anak-anak kita. Mungkin ramai yang tidak menyedari bahawa sijil peperiksaan SPM, bukan sahaja diiktiraf pada peringkat kebangsaan, malah juga pada peringkat antarabangsa.

7. Penglibatan badan-badan peperiksaan antarabangsa seperti Cambridge International Examination, United Kingdom, National Institute for Educational Measurement, Netherland dan Education Development International, United Kingdom bermula daripada proses pengesahan instrumen pentaksiran, sehinggalah kepada penentuan standard gred mata pelajaran. Ini menunjukkan bahawa semua proses yang dilaksanakan dalam peperiksaan ini, telah dilakukan

secara profesional, berkualiti tinggi dan memenuhi kehendak dan standard antarabangsa. Kita seharusnya bersyukur kerana sehingga kini, Kerajaan telah berjaya menyediakan satu sistem pendidikan yang berkualiti untuk seluruh lapisan rakyat, dilengkapi dengan pelaporan keputusan peperiksaan yang mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Keputusan peperiksaan SPM tahun 2012 yang telah diumumkan baru-baru ini menunjukkan peningkatan peratusan calon yang memperoleh keputusan cemerlang, iaitu yang mendapat gred A bagi semua mata pelajaran yang diduduki. Pada tahun 2012, peratusan calon yang mendapat keputusan cemerlang adalah 3.35%, meningkat sebanyak 0.16% berbanding tahun sebelumnya iaitu 3.19%. Saya melihat kejayaan ini merupakan hasil daripada pengemblengan usaha gigih semua pihak terutama pihak pentadbir sekolah dan PPD, serta dengan sokongan JPN.

9. Sebagaimana yang disebut oleh Pengarah Peperiksaan sebentar tadi, sebanyak 38 buah sekolah dan 6 PPD akan menerima anugerah pada hari ini, mengikut kriteria dan kategori yang telah ditetapkan. Saya tertarik dengan anugerah bagi Kategori 3, kerana ia membuktikan bahawa Kementerian Pelajaran tidak hanya mengiktiraf sekolah-sekolah yang mencapai prestasi cemerlang sahaja, malah turut mengiktiraf sekolah-sekolah yang kurang cemerlang, namun telah berusaha gigih bagi melonjakkan prestasi masing-masing sehingga mencapai peningkatan sebanyak 10% mata GPS bagi SPM 2012. Saya sedar ianya bukanlah suatu tugas yang mudah, apatah lagi dengan bilangan calon yang melebihi 100 orang. Tahniah diucapkan kepada sekolah-sekolah ini! Dengan adanya anugerah ini, saya berharap ianya akan memberi dorongan dan motivasi kepada sekolah-sekolah lain untuk terus berusaha bagi meningkatkan prestasi masing-masing.

Para hadirin yang dihormati,

10. Buat julung-julung kalinya pada tahun ini, Kementerian Pelajaran turut mengiktiraf PPD yang mempamerkan prestasi cemerlang mengikut kriteria yang ditetapkan. Saya kira pengiktirafan ini amat kena pada masanya dan selari dengan hasrat Kementerian untuk meningkat serta memperkasakan lagi peranan PPD sebagaimana yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Sebagai entiti Kementerian yang paling hampir dengan sekolah, saya mengharapkan agar semua PPD bersedia memainkan peranan yang lebih besar dan secara langsung dalam memastikan pengurusan serta pengoperasian sekolah dilaksanakan dengan teratur. Hubungan erat di antara PPD dengan pihak pentadbir dan guru-guru di sekolah memungkinkan setiap dasar, aspirasi dan inisiatif baharu itu dapat dihayati dan direalisasikan dengan jayanya.

11. Kementerian Pelajaran komited dalam menterjemahkan aspirasi di atas melalui beberapa inisiatif dan pendekatan semasa gelombang pertama pelaksanaan PPPM (2013-2015). Asas kepada ini adalah cara kita bekerja dan berfikir semasa mengharungi onak dan duri dalam melakar perubahan, serta amanah, tanggungjawab dan akauntabiliti tugas setiap pegawai kepada masyarakat. Aspek akauntabiliti ini adalah berasaskan, antara lain, kepada satu set standard Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang akan disebarluaskan kepada setiap PPD agar ia sejajar dengan keperluan sasaran sepertimana yang dinyatakan dalam PPPM. Usaha ke arah ini

akan dimantapkan lagi dengan penempatan pemimpin-pemimpin yang terbaik untuk menerajui PPD.

12. Dalam usaha merapatkan lagi jurang pencapaian dan meluaskan akses kepada pendidikan untuk golongan murid berkeperluan khas, termasuk juga kaum pribumi dan kumpulan minoriti yang lain, PPD akan diberikan keluwesan operasi agar dasar serta program dapat disesuaikan bagi menepati keperluan mereka. InsyaAllah, saya yakin apabila kita sama-sama bersatu di bawah 1Agenda yang telah dilancarkan oleh Kementerian beberapa bulan yang lepas, kita akan mampu untuk memberikan yang terbaik demi kejayaan generasi masa kini dan akan datang.

13. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua sekolah dan PPD yang menerima anugerah pada hari ini. Saya harap pengiktirafan yang diterima pada hari ini bukan yang terakhir bagi tuan-tuan dan puan-puan semua. Jadikanlah ia sebagai titik permulaan bagi lebih banyak lagi kejayaan di masa akan datang. Saya sedar bukan mudah untuk mengekalkan sesuatu kejayaan itu tanpa suatu perancangan yang sistematik dan usaha gigih secara bersepadu semua pihak.

14. Harapan saya agar kejayaan ini akan menjadi pemangkin serta perangsang kepada semua sekolah dan PPD di seluruh negara untuk sama-sama menggembelng tenaga ke arah melestarikan usaha transformasi sistem pendidikan di Malaysia. Kejayaan ini adalah kejayaan kita bersama. Marilah sama-sama kita memanjatkan doa kepada Allah s.w.t. agar kita semua dilindungi daripada perkara-perkara yang tidak diingini dalam usaha kita untuk terus memartabatkan bidang pendidikan negara. InsyaAllah.

Sekian. Wabillāhi al-taufiq wa al-hidāyah wa al-salāmu'alaikum wa rahmatullāhi wabarakātuh. Terima kasih.